

Grid Tenaga ASEAN jadi tulang belakang kerjasama serantau

Projek perkukuh kemampuan tenaga di seluruh Asia Tenggara

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelaksanaan Grid Tenaga ASEAN (APG) bakal menjadi pemacu utama integrasi tenaga serantau, sekali gus mengukuhkan kerjasama, keselamatan dan kemampuan tenaga di seluruh Asia Tenggara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata jaringan tenaga elektrik serantau yang mula dirancang lebih dua dekad lalu kini menjadi antara kejayaan terbesar kerjasama ASEAN di bawah kepimpinan Malaysia dan negara anggota lain.

"APG kini menjadi tulang belakang kerjasama serantau yang menghubungkan aspek kelestarian, keselamatan dan kemampuan tenaga. Ia akan membolehkan kita memanfaatkan potensi

tenaga boleh diperbaharui, mengurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil dan menyalurkan tenaga elektrik rentas sempadan dengan lebih cekap," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Bersama Mesyuarat ke-43 Menteri-Menteri Tenaga ASEAN dan Mesyuarat Berkaitannya serta Forum Perniagaan Tenaga ASEAN 2025 di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Mengulas lanjut Anwar berkata, pelaksanaan APG bukan sekadar projek infrastruktur, sebaliknya lambang keupayaan ASEAN bergerak sebagai satu entiti tenaga yang bersepadu.

Katanya, projek itu akan memperkukuh integrasi serantau, menarik pelaburan grid, mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti serta menjadikan ASEAN hab industri dan teknologi tenaga bersih.

"Malaysia bersama Singapura dan Thailand sudah menjadi sebahagian daripada Projek Integrasi Kuasa Laos-Thailand-Malaysia-Singapura (LTMS-PIP) yang



Anwar bersama Fadillah melawat ruwai pameran selepas Majlis Perasmian Bersama Mesyuarat ke-43 Menteri-Menteri Tenaga ASEAN di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

membolehkan perdagangan tenaga pelbagai hala.

"Kini, fasa baharu membabitkan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina akan memperluas lagi capaian APG," katanya.

Atasi cabaran dihadapi

Anwar berkata, antara cabaran utama ialah penyelarasan peraturan dan pembiayaan infrastruktur tenaga rentas sempadan, namun kejayaan rundingan bersama Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia (ADB) menunjukkan keyakinan komuniti kewangan terhadap potensi besar projek berkenaan.

"Kita mesti mengandakan usaha, mempercepat projek sambungan, menyelaraskan rangka kerja kawal selia dan memperdalam kerjasama awam-swasta. Forum Perniagaan Tenaga ASEAN menyediakan platform terbaik merealisasikan pelan ini," katanya.

Anwar turut menzahirkan penghargaan kepada Fadillah di atas penganjuran mesyuarat berkenaan yang disifatkannya sebagai antara paling berjaya dan berimpak tinggi sepanjang siri mesyuarat ASEAN tahun ini.